

Transformasi majlis agama

Raja Perlis saran Majlis Agama Islam perkukuh keupayaan dalam ekonomi, pendidikan

BH/28.2.12/12/1/1A/PS - Raja Perlis

AMRAN HAMID | BERITA HARIAN

KANGAR: Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, menyarankan Majlis Agama Islam di seluruh negara mengkaji inisiatif baru bagi memperkukuh keupayaannya, terutama dalam bidang ekonomi dan pendidikan.

Menurut baginda, bagi mencapai hasrat itu majlis agama perlu menganalisis isu dalam bidang ekonomi dan pendidikan mengikut perkembangan semasa.

Bertitah merasmikan Konvensyen Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan 2012 di sini, semalam, baginda berharap majlis agama juga sentiasa merebut peluang dalam pelbagai bidang yang ada.

"Kedudukan majlis agama di bawah naungan Raja-Raja adalah jaminan bahawa dasar yang dirangka lahir daripada institusi yang dihormati rakyat," titah baginda.

Tuanku Syed Sirajuddin juga mahu majlis agama mencari kecemerlangan dalam semua usahanya, selain memerlukan iltizam bersama bagi memantapkan perpaduan umat Islam.

Konvensyen dua hari anjuran bersama kerajaan Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) disertai lebih 300 peserta.

Ia susulan Kongres Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia kali pertama berlangsung di Kuala Lumpur pada September tahun lalu dengan disertai 1,351 perwakilan.

Dua kertas kerja dibentangkan semalam yang bertajuk 'Transformasi Pendidikan Teknikal di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaysia: Perlis' yang disampaikan oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin.



TUANKU Syed Sirajuddin bersama Tuanku Syed Faizuddin diiringi Jamil Khir bersalaman dengan peserta pada majlis perasmian Konvensyen Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Dewan 2020, Kangar, semalam.



Kedudukan Majlis Agama di bawah naungan Raja-Raja adalah jaminan bahawa dasar yang dirangka lahir daripada institusi yang dihormati rakyat

Tuanku Syed Sirajuddin
Raja Perlis

masi Pendidikan Teknikal di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaysia: Perlis' yang disampaikan oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin.

Turut dibentangkan ialah kertas kerja bertajuk 'Majlis Agama Islam Negeri Pemacu Pendidikan Umamah' yang disampaikan bersama oleh Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Prof Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Mufti Perlis, Dr Juanda Jaya.

Dua lagi kertas kerja dibentangkan hari ini iaitu 'Transformasi Pendidikan Islam peringkat ke-

bangsaan' oleh Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Prof Dr Mohd Yusof Othman dan 'Penyeragaman Pendidikan Islam: Realiti dan Cabaran' oleh bekas Ketua Pengarah Jakim, Datuk Wan Mohamad Wan Abdul Aziz.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Yang Dipertua MAIPs turut berangkat. Turut hadir ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom. - BERNAMA